

Hormati hak penunggang motosikal di jalan raya

Apabila berlaku kemalangan jalan raya khususnya yang melibatkan penunggang motosikal, masyarakat sering menuding jari kepada penunggang motosikal dari aspek kesalahan dan kecuaiannya. Sebenarnya 80 hingga 90 peratus kemalangan melibatkan kenderaan kecil berpunca daripada kecuaiannya pemandu.

Ramai yang tidak menyedari bahawa mangsa buli sebenar di jalan raya adalah penunggang motosikal. Ramai beranggapan penunggang motosikal tidak mempunyai hak seperti pemandu kenderaan lain.

Mereka terlepas pandang hak penunggang motosikal dan pemandu adalah sama. Oleh itu, sikap tolak ansur antara pemandu terhadap penunggang haruslah seimbang.

Purata kemalangan maut melibatkan penunggang dan pembonceng kira-kira 4,200 orang setiap tahun. Berdasarkan statistik itu, jumlah kemalangan motosikal dan kemalangan maut motosikal adalah satu masalah serius. Boleh dikatakan setiap hari 12 orang mati dalam nahas jalan raya melibatkan penunggang motosikal.

Antara punca utama menyebabkan penunggang menjadi mangsa ekoran nahas jalan raya adalah sikap pemandu yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri tanpa memikirkan kesan tindakan mereka terhadap pengguna jalan raya lain khususnya penunggang motosikal.

Sikap mereka yang memandang enteng keselamatan pengguna lain

mengundang kejadian tidak diinginkan terhadap orang lain. Mengapa perlu wujud sikap sedemikian kerana tidak kira pemandu atau penunggang motosikal, masing-masing membayar cukai jalan.

Bertolak ansur

Adalah tidak wajar jika pemandu tidak mahu bertolak ansur terhadap penunggang motosikal kerana mereka juga mempunyai hak yang sama seperti pemandu.

Antara langkah yang perlu diamalkan oleh pemandu adalah memupuk sikap hormat-menghormati dengan pengguna jalan raya lain terutama penunggang motosikal seperti tidak menggunakan laluan kecemasan terutama ketika kesesakan lalu lintas.

Faktor utama penunggang terlibat kemalangan ialah tindakan pemandu menggunakan laluan kecemasan. Tindakan mereka itu bukan sahaja mengganggu penunggang motosikal, tetapi boleh menghalang polis, ambulans dan bomba ke tempat kecemasan yang dipanggil.

Adalah lebih baik jika kita saling bertolak ansur antara satu sama lain demi kemaslahatan bersama terutama di jalan raya.

Setiap nyawa itu amat berharga dan tidak akan pernah dapat dinilai dengan harta atau wang ringgit.

 **Muhammad Firdaus Mohd Shamsudin**
Universiti Sains Islam
Malaysia



[FOTO HIASAN]

Pengguna jalan raya perlu saling bertolak ansur dan menghormati hak penunggang motosikal.